

PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM PERKEMBANGAN IMAGINASI-KREATIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH

NUR ADIBAH BINTI AHMAD ZAMRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM PERKEMBANGAN IMAGINASI-
KREATIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

NUR ADIBAH BINTI AHMAD ZAMRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..09...(hari bulan).....09..... (bulan) 20..25..

i. Perakuan pelajar :

Saya, Nur Adibah Binti Ahmad Zamri (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pentaksiran Autentik dalam Perkembangan Imajinasi-Kreatif Kanak-Kanak Prasekolah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Masnan (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pentaksiran Autentik dalam Perkembangan Imajinasi-Kreatif Kanak-Kanak Prasekolah

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Masnan
Penyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
HP: 012-387 0567

29/ 09/ 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM PERKEMBANGAN IMAGINASI-
KREATIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH

No. Matrik / Matric's No.: M20201000548

Saya / I : NUR ADIBAH BINTI AHMAD ZAMRI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


SULIT/CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


Prof. Madya Dr. Abdul Halim Masnan
Penyarah Kanan
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
HP: 012-387 0567


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 29/ 09/ 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan Izin-Nya dapat saya menyiapkan penulisan disertasi saya. Terlalu banyak cabaran yang saya lalui sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Namun atas sokongan dan doa yang tidak putus daripada ahli keluarga saya terutama suami yang tercinta, kedua ibu bapa saya, saudara-mara, ipar-duai serta sahabat-sahabat mendorong saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Masnan serta pensyarah penyelia bersama iaitu Dr. Azli Bin Ariffin yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar, buah fikiran, panduan dan respon yang bernas kepada saya dari awal permulaan tugas sehinggalah selesai tugas ini. Syukur alhamdulillah walaupun banyak likunya, tetapi sentiasa dipermudahkan dalam segala urusan. Juga tidak saya lupakan setinggi-tinggi penghargaan buat Dr. Noor Amy Afiza yang pada awalnya pernah memberi tunjuk ajar dan memberi pendedahan kepada saya tentang kaedah penyelidikan ini serta menjadi tempat rujukan saya. Akhir kata daripada saya, jutaan terima kasih kepada semua yang turut terlibat dan membantu dalam memberi idea, pandangan, mencari bahan rujukan serta dorongan dalam menyiapkan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolegunaan senarai pentaksiran autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik pakar dan protokol temu bual pakar. Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan menggabungkan kaedah Meta Analisis, temu bual, dan soal selidik menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Kajian ini dilaksanakan melalui tiga langkah utama. Langkah pertama menggunakan kaedah Meta Analisis, di mana sebanyak 20 bahan kajian dianalisis untuk mengenal pasti ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah serta elemen-elemen pentaksiran yang bersesuaian. Langkah kedua melibatkan kaedah temu bual pakar bersama tiga orang responden pakar dalam bidang prasekolah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun. Tujuan langkah ini adalah untuk mendapatkan pandangan praktikal dan pengalaman profesional berhubung kesesuaian dan keberkesanan item-item pentaksiran yang dikenal pasti. Hasil analisis temu bual menunjukkan bahawa terdapat beberapa item dalam senarai pentaksiran awal yang kurang sesuai dan disarankan untuk digugurkan, manakala beberapa item lain dipersetujui untuk digunakan dalam senarai item. Langkah ketiga menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan persetujuan pakar mengenai keberkesanan dan kebolegunaan senarai pentaksiran autentik tersebut. Kesesuaian item-item ditentukan berdasarkan nilai *threshold*, $d \leq 0.2$, kesepakatan pakar $\geq 75\%$. Hasil kajian menunjukkan bahawa beberapa ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak boleh dimasukkan dalam senarai pentaksiran autentik. Kajian ini memberi implikasi kepada guru prasekolah untuk melaksanakan bentuk pentaksiran autentik yang memfokuskan kepada perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak. Selain itu, kajian ini turut menyediakan panduan kepada guru tentang bagaimana memilih, menyesuaikan, dan menggunakan alat pentaksiran dalam amalan pengajaran harian, agar mereka dapat menyokong pertumbuhan kreatif dan perkembangan unik setiap kanak-kanak dengan lebih berkesan.

AUTHENTIC ASSESSMENT IN THE DEVELOPMENT OF PRESCHOOL CHILDREN'S CREATIVE IMAGINATION

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the usability of an authentic assessment list for preschool children's imaginative-creative development. The instruments used in this study are a set of expert questionnaires and an expert interview protocol. This study takes the form of a combined study between qualitative and quantitative methods by combining Meta Analysis, interviews, and questionnaires using the *Fuzzy Delphi* technique. There are three steps implemented in this research. Step one uses the Meta Analysis method, where 20 study materials were analyzed to identify the imaginative-creative characteristics of preschool children and the relevant elements for child assessment. The second step involves the Expert Interview method with three expert respondents in the preschool field, with more than 10 years of teaching experience. The purpose of this step is to gain practical insights and professional perspectives on the relevance and feasibility of the identified assessment items. The findings from the interviews show that some items in the authentic assessment list for preschool children's imaginative-creative development need to be removed, as they were considered impractical, and the experts agreed to retain and include other, more suitable items. The third step uses the *Fuzzy Delphi* technique to evaluate the applicability and practicality of the authentic assessment list and to obtain expert consensus. The appropriateness of the items is determined based on the threshold value, $d \leq 0.2$, expert agreement $\geq 75\%$. The results of the study have shown that several imaginative-creative characteristics of children can be reliably included in authentic assessment list. This study gives implications to preschool teachers to be able to implement an authentic form of assessment that focuses on the imaginative-creative development of preschool children. Furthermore, it provides guidance on how to select, adapt, and apply assessment tools in daily teaching, ensuring that teachers can better support each child's unique creative growth and learning journey.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	20
1.6 Persoalan Kajian	22
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	22
1.8 Kerangka Teori Kajian	23
1.9 Definisi Operasional	25

1.10	Batasan Kajian	29
1.11	Kepentingan Kajian	30
1.12	Rumusan	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	35
2.2	Definisi Kanak-Kanak Prasekolah	36
2.3	Imaginasi	37
2.4	Imaginasi Kanak-Kanak	39
2.5	Kreativiti	42
2.6	Kreativiti Kanak-Kanak	43
2.7	Ciri-Ciri Kanak-Kanak Yang Berimaginasi-Kreatif	45
2.8	Pentaksiran	46
2.9	Teori-Teori Yang Berkaitan	48
2.9.1	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	48
2.9.2	Teori Pembelajaran Behaviorisme	53
2.9.3	Teori Imaginasi Dan Kreativiti Kanak-Kanak Vygotsky	57
2.10	Rumusan	59

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	60
3.2	Pendekatan Kajian	61
3.3	Persampelan Kajian	64
3.3.1	Pembangunan Soalan Temu Bual	69
3.3.2	Transkrip Temu Bual	74
3.4	Kaedah dan Instrumen Pengumpulan Data	87
3.4.1	Kaedah Analisis Meta	88

3.4.2	Kaedah temu Bual	90
3.4.3	Soal Selidik Pakar	91
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	94
3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Temu Bual	94
3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	96
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.7	Kaedah Analisis Data	102
3.8	Rumusan	108

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	109
4.2	Dapatan Kajian Analisis Meta	110
4.2.1	Objektif Kajian	113
4.2.2	Dapatan Kajian	114
4.3	Analisis Temu Bual	123
4.3.1	Data Temu Bual Pakar	123
4.4	Analisis Soal Selidik	130
4.4.1	Latar Belakang Pakar	131
4.4.1.1	Taburan Pakar Berdasarkan Jantina	131
4.4.1.2	Taburan Pakar Berdasarkan Kaum	132
4.4.1.3	Taburan Pakar Berdasarkan Taraf Pendidikan	132
4.4.1.4	Taburan Pakar Berdasarkan Bidang Kepakaran	133
4.4.1.5	Taburan Pakar Berdasarkan Pengalaman Mengajar	133
4.5	Analisis Fuzzy Delphi	134

4.6	Dapatan Kesahan Konstruk	142
4.7	Rumusan	146

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	147
5.2	Ringkasan Kajian	148
5.3	Perbincangan Kajian	149
5.3.1	Perbincangan Dapatan Analisis Meta dan Temu Bual Pakar	150
5.4	Implikasi Kajian dan Cadangan Kepada Guru	155
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	156
5.6	Penutup	157

RUJUKAN	159
----------------	------------

 05-4506832 **LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kajian-kajian yang telah dipilih untuk dijadikan sampel dalam langkah satu kajian	65
3.2	Butiran pakar-pakar dalam temu bual	71
3.3	Skala Persetujuan Cohen Kappa	96
3.8	Pemboleh ubah linguistik tujuh skala	107
4.1	Kekerapan tema objektif kajian	113
4.2	Dapatan kajian bertema pentaksiran autentik	115
4.3	Dapatan kajian bertema perkembangan imaginasi kanak-kanak prasekolah	119
4.4	Dapatan kajian bertema perkembangan kreatif kanak-kanak prasekolah	121
4.7	Analisis item-item yang akan dimasukkan ke dalam pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah	127
4.8	Analisis hasil temubual bersama pakar bagi senarai aktiviti yang sesuai untuk melaksanakan pentaksiran autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah	129
4.9	Taburan pakar berdasarkan jantina	131
4.10	Taburan pakar berdasarkan kaum	132
4.11	Taburan pakar berdasarkan taraf pendidikan	132
4.12	Taburan pakar berdasarkan bidang kepakaran	133
4.13	Taburan pakar berdasarkan pengalaman mengajar	134

- | | | |
|------|--|-----|
| 4.14 | Nilai threshold dan peratus kesepakatan pakar bagi kebolegunaan dalam elemen- elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah. | 136 |
| 4.15 | Kebolegunaan elemen-elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi- kreatif kanak-kanak prasekolah | 138 |
| 4.16 | Ringkasan Nilai Kesahan Konstruk Elemen Pentaksiran Autentik Bagi Imaginasi-Kreatif Kanak-kanak Prasekolah | 145 |

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	23
1.2	Kerangka Teori Kajian	25
3.1	Langkah-langkah dalam membina senarai pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah	62
3.2	Carta alir proses analisis teknik Fuzzy Delphi	106
5.1	Proses kajian bagi menghasilkan senarai pentaksiran autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah	154

SENARAI SINGKATAN

KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

SENARAI LAMPIRAN

- A** Protokol Temu Bual
- B** Borang Soal selidik
- C** Contoh Borang Kesahan Soal Selidik
- D** Contoh Borang Kesahan Soal Selidik
- E** Contoh Borang Pengesahan Pakar Soal Selidik Fuzzy Delphi



BAB 1

PENGENALAN

Dalam bab satu pengenalan ini membincangkan pendahuluan, latar belakang, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, kerangka teori kajian, definisi operasional dan batasan kajian kepentingan kajian dan rumusan.

1.1 PENDAHULUAN

Kanak-kanak prasekolah kebangsaan merujuk kepada kanak-kanak berumur lima dan enam tahun yang bersekolah di prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap kanak-kanak mempunyai imaginasi yang tersendiri dalam menghasilkan kreativiti mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian-kajian lepas, pendidikan hari ini lebih banyak memfokuskan terhadap perkembangan





akademik melalui kaedah pentaksiran berbentuk ujian bertulis (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021). Tanpa disedari, pendekatan ini sering mengabaikan aspek perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak yang juga sangat penting. Menurut Vygotsky (2004), perkembangan imaginasi-kreatif merupakan komponen utama dalam proses pembelajaran, kerana ia membantu kanak-kanak mengembangkan kebolehan menyelesaikan masalah dan berinteraksi dengan persekitaran mereka. Oleh itu, penting untuk mengimbangi aspek akademik dengan kaedah yang lebih menyeluruh, yang dapat memupuk dan memperkasa imaginasi-kreatif kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah.

Penekanan terhadap pencapaian akademik yang terlalu berfokus boleh menghalang perkembangan aspek kreatif kanak-kanak yang sepatutnya diberi lebih perhatian dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak (Balkish, Ali & Cho, 2010; Mardziah et al., 2019; Rohaty, 2003). Penilaian tradisional yang lebih mengutamakan ujian dan peperiksaan tidak dapat memberikan gambaran penuh tentang potensi kreatif kanak-kanak (Gao & Grisham-Brown, 2011). Selain itu, kajian oleh Poindexter et al. (2015) dan Bredekamp (2017) menunjukkan bahawa kaedah penilaian autentik yang lebih memberi tumpuan kepada perkembangan kreativiti dapat membantu guru memahami lebih mendalam tentang kemahiran dan kekuatan kanak-kanak dalam aspek imaginasi dan penyelesaian masalah. Dalam konteks ini, penting untuk mengenal pasti dan mengembangkan kaedah penilaian yang boleh menilai perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak dalam persekitaran yang lebih holistik dan menyeluruh (Mueller, 2005; Vygotsky, 1987).





Imaginasi adalah keupayaan minda untuk menjadi kreatif dan bijak, di mana ia berfungsi sebagai proses kognitif yang menjana idea baharu daripada pengalaman dan pengetahuan yang telah ada. Proses ini bukan sahaja berguna untuk kreativiti dan imaginasi, tetapi juga untuk pemikiran harian, di mana ia membantu individu untuk mencari alternatif kepada realiti semasa (Vygotsky, 2004). Kreativiti, sebaliknya, merujuk kepada tindak balas unik kanak-kanak terhadap semua yang mereka lihat, dengar, rasa, dan alami. Setiap kanak-kanak mengolah rangsangan dari persekitaran mereka secara berbeza, menghasilkan idea-idea baru yang mencerminkan cara mereka berfikir dan melihat dunia di sekitar mereka (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021). Dengan demikian, imaginasi dan kreativiti adalah dua elemen yang saling berkait dan penting dalam perkembangan kognitif serta sosial kanak-kanak.



Tindak balas individu kanak-kanak terhadap bahan, pengalaman dan idea memberi inspirasi kepada kreativiti dan imaginasi mereka. Tindak balas kanak-kanak boleh berbentuk fizikal, emosi, sosial, budaya atau gabungan kesemuanya. Kanak-kanak yang lebih kecil mungkin bertindak balas dengan cara lisan dan bukan lisan, sebagai contoh, kanak-kanak kecil bergoyang-goyang mengikut muzik. Imaginasi dan kreativiti kanak-kanak diperkembangkan melalui kesedaran mereka terhadap seni dan kanak-kanak lain di sekeliling mereka. Kesemua pengalaman kreatif ini membina hubungan yang kuat dalam otak dan kreativiti dikaitkan dengan tumpuan, kebebasan, penerokaan dan kepintaran.

Namun, untuk melihat dan memerhati tahap imaginasi dalam perkembangan kreativiti setiap kanak-kanak di prasekolah, guru perlu menjalankan satu pentaksiran yang khusus dan berfokuskan kepada aspek perkembangan imaginasi-kreatif kanak-





kanak. Pentaksiran boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah memerhati pembelajaran kanak-kanak dalam amalan seharian, berusaha untuk memahaminya, dan kemudian menggunakan pemahaman kita dengan baik. Pentaksiran dalam pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam menyokong hasil positif untuk kanak-kanak dengan memaklumkan perkara yang diajar dan bagaimana. Penyelidikan menunjukkan bahawa pentaksiran yang berkesan dan sesuai dalam pendidikan awal kanak-kanak merupakan faktor penyumbang penting kepada kejayaan kanak-kanak dalam pembelajaran dan pendidikan masa depan. Pentaksiran merupakan suatu instrumen unggul, yang digunakan guru untuk menentukan sama ada muridnya benar-benar mempelajari setiap aktiviti dengan berkesan dalam bilik darjah. Tanpa pentaksiran secara berterusan, seorang guru tidak boleh mengetahui sama ada pengajarannya patut diubahsuai atau tidak. Pentaksiran juga memerhatikan ciri-ciri dan tingkah laku murid-murid dengan memfokuskan penilaian atas ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada. Menurut pengkaji-pengkaji yang lepas, pentaksiran dalam pendidikan awal kanak-kanak ialah proses penilaian dalam pelbagai aspek yang melibatkan pengumpulan maklumat tentang kemahiran, kekuatan dan bidang yang memerlukan perkembangan selanjutnya. Ia melangkaui ujian dan penggredan tradisional, memfokuskan pada pemerhatian holistik, dokumentasi dan penilaian berterusan. Sebagai contoh, pentaksiran autentik yang memberi tumpuan kepada menilai kanak-kanak dalam situasi kehidupan sebenar dan bukannya melalui ujian piawai. Pendekatan ini membolehkan pendidik menilai kemahiran kanak-kanak dalam konteks dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman pembelajaran mereka.





Pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia memperkembangkan potensi dalam semua aspek perkembangan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun berdasarkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dan bermakna. Ia bertujuan untuk berkembang secara menyeluruh dan bersepadu. Matlamatnya adalah untuk membangunkan kemahiran kanak-kanak, menggalakkan keyakinan diri dan membangunkan imej diri yang positif supaya mereka boleh berkembang maju dan mempunyai implikasi yang luas untuk kejayaan masa depan. Bagi memastikan matlamat tercapai, pentaksiran perlu dijalankan dari semasa ke semasa untuk menilai perkembangan kanak-kanak dalam dimensi yang telah dikenal pasti (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2017).

Terdapat pelbagai jenis pentaksiran yang disarankan oleh kementerian dalam membuat penilaian terhadap pencapaian murid di sekolah. Antaranya ialah pentaksiran autentik, pemerhatian, rekod anekdot, portfolio, serta pentaksiran formatif dan sumatif. Jenis pentaksiran dalam pendidikan awal kanak-kanak mengambil pelbagai bentuk, setiap satu direka untuk menyediakan pendidik dengan perspektif khusus tentang perkembangan dan kemajuan pembelajaran kanak-kanak. Pentaksiran yang pelbagai dan komprehensif ini membolehkan pemahaman holistik kanak-kanak. Di dalam kajian ini, pentaksiran yang bersesuaian untuk dijalankan terhadap kanak-kanak prasekolah adalah pentaksiran autentik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran harian. Saptu dan Said (2011) menegaskan bahawa pentaksiran autentik menyediakan satu lagi alternatif yang lebih standard dan seimbang kepada pelbagai ujian pencapaian. Pentaksiran autentik ini mendedahkan kemahiran berfikir kritis dan kritis pelajar, dan juga membolehkan murid menyelesaikan pelbagai tugas terbuka dan meluangkan masa yang cukup untuk menyelesaikan tugas yang ditetapkan oleh guru untuk





menilai (Companies, 2011). Siti Saleha Samsuri (2023) juga menyatakan bahawa penilaian berterusan dan autentik adalah penting untuk meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar ke tahap optimum. Walau bagaimanapun, Faridah Yunus (2013) berpendapat bahawa, untuk memastikan murid dapat melaksanakan sesuatu aktiviti, pendidik perlu bertindak sebagai seorang fasilitator sebagai pembimbing.

Selain itu, pentaksiran membolehkan pendidik mendapatkan gambaran tentang kekuatan, kelemahan dan gaya pembelajaran setiap kanak-kanak. Setiap kanak-kanak adalah unik, dan pentaksiran membantu menyesuaikan arahan untuk memenuhi keperluan mereka, memastikan mereka menerima tahap sokongan dan cabaran yang sesuai. Untuk memulakan pentaksiran autentik, guru mesti mempunyai sistem untuk memerhatikan, mendokumentasikan, mengatur, membuat refleksi, menganalisis dan memanfaatkan maklumat yang dikumpulkan (Jablon, Dombro & Dichtelmiller, 2013). Ada kalanya guru akan memerhatikan tingkah laku atau kemahiran kanak-kanak secara spontan yang merangkumi maklumat penting untuk didokumentasikan (Gronlund, 2013). Melalui pentaksiran autentik, guru dapat melihat kanak-kanak secara individu dari berbagai perspektif berdasarkan kekuatan, gabungan minat dan keunikan mereka. Pemerhatian ini membantu guru merancang dan mengembangkan persekitaran bilik darjah dan memilih aktiviti untuk membuat perancangan pembelajaran bagi setiap kanak-kanak. Apabila dilakukan dengan penuh kesungguhan, pentaksiran autentik dapat membantu guru dalam membuat perkaitan antara penilaian dan kurikulum yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak tersebut (Rice, Marilyn R, 2014).

Imaginasi-kreatif merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk membayangkan atau mencipta idea, imej, atau objek yang tidak wujud dalam realiti





fizikal mereka. Secara keseluruhannya, proses ini melibatkan pemikiran yang membolehkan kanak-kanak menghasilkan pelbagai kemungkinan dan memberi mereka peluang untuk berfikir di luar batasan realiti. Imajinasi membolehkan kanak-kanak untuk menanggapi dunia dengan cara yang unik, memanipulasi bahan dan objek yang ada di sekeliling mereka, serta menukar pengalaman atau objek yang mereka alami kepada bentuk yang baru dan kreatif. Seperti yang dijelaskan oleh Vygotsky (1987), imajinasi bukan sahaja penting dalam perkembangan intelektual, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan pemahaman sosial dan emosi kanak-kanak. Dengan kata lain, imajinasi berfungsi sebagai asas kepada kreativiti dan dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kritis kanak-kanak, yang diperlukan untuk menghadapi pelbagai situasi dalam kehidupan mereka (Bauer et al., 2021; Harris, 2021). Kajian oleh Harter (2012) juga menunjukkan bahawa proses imajinasi membentuk pemikiran yang menggabungkan realiti dan kreativiti, membolehkan kanak-kanak melihat dunia dari perspektif yang lebih luas dan mencabar pemikiran mereka tentang apa yang mungkin.

Kreativiti, yang merupakan manifestasi daripada imajinasi, adalah tindak balas unik kanak-kanak terhadap persekitaran mereka. Ia berkembang melalui interaksi mereka dengan bahan, pengalaman, dan orang lain di sekitar mereka. Dengan kata lain, kanak-kanak menunjukkan kreativiti dalam pelbagai bentuk, sama ada melalui seni, muzik, permainan berpura-pura, atau ekspresi lisan dan bukan lisan (Vygotsky, 2004). Tindak balas mereka boleh berbentuk fizikal, emosi, sosial, atau budaya, dan ia sering kali dikaitkan dengan kebebasan untuk meneroka dan mencipta tanpa sekatan. Sebagai contoh, kanak-kanak yang mendengar muzik mungkin akan bergerak mengikut irama, yang mencerminkan respons kreatif mereka terhadap rangsangan luar (Gao &





GrishamBrown, 2011). Penyelidikan oleh Beghetto (2016) menunjukkan bahawa kreativiti bukan hanya melibatkan penciptaan perkara baru tetapi juga melibatkan pemikiran fleksibel, yang membantu kanak-kanak menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka. Oleh itu, imaginasi dan kreativiti juga saling berkait dengan perkembangan emosi, di mana kanak-kanak menggunakan ekspresi kreatif mereka untuk memahami dan mengatasi perasaan (Harris, 2021; Reid & Petocz, 2004).

Oleh itu, untuk menilai tahap perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah, penting bagi pendidik untuk menjalankan pentaksiran yang khusus dan berfokuskan kepada aspek ini. Pentaksiran autentik menjadi instrumen yang efektif dalam memantau perkembangan ini, kerana ia melibatkan pemerhatian berterusan terhadap tingkah laku kanak-kanak dalam situasi kehidupan sebenar. Seperti yang dinyatakan oleh Mueller (2005), pentaksiran autentik membolehkan guru menilai kemahiran kanak-kanak dalam konteks yang lebih semula jadi, dan dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang pengalaman pembelajaran mereka. Dengan kata lain, pentaksiran ini memberi tumpuan kepada penilaian berterusan dan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menunjukkan kemampuan mereka tanpa tekanan ujian. Sebagai contoh, dalam kajian oleh Poindexter et al. (2015), penggunaan pentaksiran autentik membantu guru menilai kreativiti kanak-kanak dalam aktiviti seharian mereka dan memberi maklum balas yang lebih konstruktif. Oleh itu, pentaksiran autentik bukan sahaja memfokuskan pada pengetahuan yang diperoleh, tetapi juga kepada bagaimana kanak-kanak menggunakan kreativiti dan imaginasi mereka dalam situasi yang sebenar dan relevan (Bredekamp, 2017; Poindexter et al., 2015). Dengan penilaian yang tepat dan berfokuskan kepada perkembangan kreatif, guru dapat memberikan sokongan yang diperlukan untuk membantu kanak-kanak





mencapai potensi penuh mereka dalam bidang imaginasi dan kreativiti (Harter, 2012; Bredekamp, 2017).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

“Imaginasi lebih penting daripada pengetahuan. Pengetahuan adalah terhad, imaginasi merangkumi dunia, merangsang kemajuan, melahirkan evolusi” (Albert Einstein). Einstein melihat dengan jelas bahawa kreativiti adalah salah satu kualiti yang paling berkuasa dalam diri manusia. Apabila dirangsang dengan betul, manusia dari semua peringkat umur (termasuk kanak-kanak) boleh memanfaatkan imaginasi mereka untuk mencipta perkara yang tidak wujud (lukisan, permainan, buku) dan menyelesaikan masalah yang kompleks.



Imaginasi dan kreativiti merupakan pengaruh yang besar dalam perkembangan kanak-kanak. Kedua-duanya mempengaruhi empat aspek perkembangan: emosi, sosial, intelek, dan fizikal. Perkembangan Emosi: Seseorang kanak-kanak tidak dapat meluahkan perasaan mereka secara lisan. Itulah sebabnya kanak-kanak boleh diminta untuk menulis cerita tentang perasaan mereka atau melukis gambar yang diilhamkan oleh perasaan mereka. Ini membantu kanak-kanak belajar untuk meluahkan emosi mereka dengan cara yang selamat dan menyepadukan ke dalam situasi sosial. Pembangunan Sosial: Untuk merangsang perkembangan ini, biarkan kanak-kanak bermain dengan beberapa orang pada umur yang sama. Melalui aktiviti seperti menari dan menyanyi, kanak-kanak mengembangkan kemahiran komunikasi asas dan integrasi sosial. Seterusnya perkembangan intelek: Melalui permainan kreatif, kanak-kanak





boleh mempelajari kemahiran menyelesaikan masalah yang penting. Akhir sekali perkembangan fizikal: Permainan kreatif membantu mengembangkan kemahiran motor, koordinasi dan kawalan melalui aktiviti berlari, menari, melakukan teka-teki alam sekitar, dan membuat kraf. Semua ini akan membantu meningkatkan koordinasi tangan dan ingatan otot kanak-kanak.

Memupuk kreativiti dan imaginasi adalah lebih penting dalam persekitaran prasekolah di mana rasa ingin tahu dan kemungkinan tidak terhad. Dengan menggalakkan kanak-kanak berfikir di luar kotak, meneroka minat mereka, dan menyatakan diri mereka secara bebas, pendidik memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan mental golongan muda. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat yang serba pantas hari ini, kepentingan kreativiti sering dibayangi oleh kurikulum standard dan penilaian berasaskan prestasi, dan nilai memupuk kebolehan semula jadi ini sejak kecil tidak diperkukuh.

Imaginasi adalah keupayaan kanak-kanak untuk membayangkan idea dan konsep baru yang tidak wujud dalam realiti fizikal, selalunya melalui imej mental. Bergantung pada umur, minat dan dunia dalaman kanak-kanak, imaginasi-kreatif boleh dizahirkan dalam pelbagai cara. Seseengah kanak-kanak lebih suka permainan berorientasikan aksi, seperti menari atau mencipta sesuatu secara khayalan. Hal ini disokong dengan kajian Einstein (1924) yang menyatakan bahawa imaginasi adalah pintu kepada kemungkinan. Di sinilah kreativiti, kepintaran, dan pemikiran di luar kotak bermula untuk perkembangan kanak-kanak. Manakala kreativiti ialah keupayaan untuk melihat dunia dengan cara baharu, mencari corak tersembunyi, menghubungkan perkara yang kelihatan tidak berkaitan dan mencipta penyelesaian yang inovatif. Otak





kanak-kanak adalah sarang aktiviti, dengan kira-kira 90% pertumbuhan otak berlaku dalam tempoh lima tahun pertama kehidupan. Dalam tempoh ini, sambungan saraf terbentuk pada kadar yang menakjubkan, dipengaruhi oleh pengalaman kanak-kanak. Aktiviti kreatif seperti melukis, bercerita, dan main peranan merangsang otak dan menggalakkan perkembangan kognitif, emosi dan sosial. Dalam konteks permainan imaginasi dan kreatif pula adalah berkaitan bagaimana kanak-kanak belajar tentang dunia. Semasa permainan imaginasi, kanak-kanak memanipulasi bahan, mengekspresikan diri secara lisan dan bukan lisan, merancang (sengaja atau tidak sengaja), bertindak, berinteraksi, bertindak balas, dan mencuba pelbagai peranan.

Berdasarkan senario di atas, untuk membangunkan sumber manusia yang boleh berfikir dengan lebih kreatif dan inovatif, dengan mengambil kira keadaan dalaman dan luaran mereka sendiri, adalah perlu untuk mempertimbangkan secara serius perubahan khusus kepada garis panduan kurikulum (Abu Bakar Nordin, 2016). Malangnya, guru-guru prasekolah pada hari ini kurang memfokuskan kepada membuat penilaian terhadap aspek perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak melalui aktiviti yang mereka lakukan. Justeru, guru prasekolah amat digalakkan untuk menjalankan satu pentaksiran yang menarik dan memberi penekanan yang khusus agar dapat menilai tahap perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak. Pentaksiran adalah satu proses menghimpunkan maklumat tentang kanak-kanak, menyemak maklumat, dan kemudian menggunakan maklumat tersebut untuk merancang aktiviti pendidikan yang berada pada tahap yang kanak-kanak boleh faham dan boleh belajar daripadanya. Pentaksiran juga merupakan bahagian penting dalam pendidikan awal kanak-kanak berkualiti tinggi. Apabila pendidik membuat penilaian, mereka memerhati kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat tentang kemahiran dan pengetahuan kanak-kanak. Memerhati





dan mendokumentasikan kerja dan prestasi kanak-kanak dalam tempoh setahun membolehkan pendidik mengumpul rekod pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Dengan maklumat ini, para pendidik boleh mula merancang kurikulum yang sesuai dan pengajaran individu yang berkesan untuk setiap kanak-kanak.

Sebagai seorang pendidik, melaksanakan penilaian terhadap kanak-kanak adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Penilaian perkembangan merupakan komponen penting dalam pendidikan awal kanak-kanak kerana ia menyediakan data seperti kekuatan, kelemahan dan potensi yang kemudiannya akan membolehkan guru mengenal pasti dan membangunkan aspek tersebut untuk mencapai tahap optimumnya (Bredekamp, 2017; McAfee, Leong & Bodrova, 2016 dan Beaty, 2010). Isu kompetensi dan kelayakan pendidik bukanlah perkara baru kerana ia telah banyak dibincangkan dalam kajian lepas. Terdapat juga isu lain yang dihadapi oleh pendidik dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah seperti di dalam kajian Beide B. Melaku dan Jemaneh T. Tadesse (2019), mendapati bahawa kaedah pentaksiran pendidik tidak dijalankan secara berterusan dan tidak mengambil kira semua aspek perkembangan. Penyelidik mendapati walaupun pendidik telah menyediakan rancangan pengajaran harian yang merangkumi semua domain perkembangan kanak-kanak, tetapi setelah diselidik ia hanya memfokuskan tentang kemahiran asas bahasa dan pernomboran sahaja. Hal ini disokong dengan kajian Stephanus Turibius Rahmat, Fransiskus De Gomes, Ignasius Febryanto R. Bora dan Elfrida Riani Tari (2021) menunjukkan bahawa guru tidak memiliki pedagogi dan kecekapan profesional dalam menilai perkembangan awal kanak-kanak lagi. Guru belum dapat menilai perkembangan awal kanak-kanak secara berterusan, penilaian belum masuk mengikut prosedur yang betul dan guru tidak menilai secara sistematik perkembangan kanak-kanak (Mundia & Heru, 2020).





Prasekolah adalah salah satu daripada pengalaman pertama kanak-kanak di persekitaran sekolah dengan rakan sebaya yang sama. Pengalaman pembelajaran awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam perkembangan kemahiran fizikal, sosial, emosi, kognitif, bahasa, dan literasi kanak-kanak (Heidemann & Hewitt, 2010). Kanak-kanak bersekolah dengan pengalaman dan pengetahuan yang berbeza sebelumnya. Oleh itu, dengan menilai kanak-kanak, dapat membantu guru mengumpulkan maklumat untuk merancang dan menyampaikan pelajaran dengan berkesan agar dapat menyokong pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak (Copples & Bredekamp, 2009). Amalan penilaian untuk kanak-kanak mempunyai manfaat, tetapi guru harus menggunakan kaedah yang sesuai untuk memahami sepenuhnya perkembangan kanak-kanak. Penilaian autentik adalah alat yang kuat untuk guru menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan semasa aktiviti dan rutin di dalam kelas setiap hari untuk memahami keunikan perkembangan setiap kanak-kanak (Dona Anderson, 2016).

Pentaksiran autentik ialah pendekatan penilaian yang melibatkan guru memerhati dan mendokumentasikan kemahiran, pengetahuan dan tingkah laku kanak-kanak semasa aktiviti dan rutin harian mereka. Jon Mueller, seorang profesor Psikologi Amerika, mentakrifkan penilaian autentik sebagai “format penilaian yang memerlukan pelajar menyelesaikan tugas dunia sebenar yang menunjukkan aplikasi bermakna pengetahuan dan kemahiran penting”. Melalui pentaksiran autentik, kanak-kanak menggunakan aplikasi dunia sebenar untuk menyelesaikan tugas. Sebagai contoh, kemahiran motor halus kanak-kanak boleh dinilai dari semasa ke semasa dengan memerhati aktiviti kanak-kanak dalam menggunakan objek yang diberikan. Apabila pentaksiran autentik digunakan untuk menentukan tahap perkembangan kanak-kanak,





pendidik yang mempunyai pengetahuan tentang perkembangan kanak-kanak boleh meneliti cara kanak-kanak menunjukkan kemahiran dan pengetahuan secara konsisten dalam tetapan yang berbeza. Pentaksiran autentik membolehkan pendidik melihat kekuatan dan kelemahan kanak-kanak secara naturalistik sebagai cara untuk memaklumkan pengajaran secara individu dan seluruh bilik darjah. Pendidik juga secara tidak langsung dapat melihat “kebolehan sebenar” kanak-kanak tanpa menunjukkan pengetahuan atau kemahiran mereka “atas permintaan” (seperti yang berlaku dengan penilaian langsung), sebaliknya kanak-kanak mempunyai banyak peluang untuk menunjukkan keupayaan mereka.

1.3 PERNYATAAN MASALAH



Dalam pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, aspek perkembangan akademik sering kali mendominasi kurikulum dan pentaksiran, dengan tumpuan lebih diberikan kepada penguasaan literasi dan numerasi (Rohaty, 2003). Walaupun penting untuk memastikan kanak-kanak menguasai kemahiran asas, terdapat aspek lain yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan holistik mereka, iaitu kreativiti dan imaginasi. Keupayaan kanak-kanak untuk berfikir secara kreatif dan berimaginasi merupakan elemen utama dalam perkembangan kognitif mereka, yang memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran dan pembangunan sosial serta emosi mereka (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021). Menurut Vygotsky (1987), kreativiti bukan hanya berkait rapat dengan hasil seni atau penciptaan semula, tetapi juga dengan kemampuan berfikir secara kritis dan inovatif dalam situasi kehidupan harian. Walau bagaimanapun, dalam





banyak kajian di Malaysia, aspek imaginasi dan kreativiti kanak-kanak kurang diberi perhatian dalam pentaksiran di peringkat prasekolah (Mardziah et al., 2019).

Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa banyak sistem penilaian di prasekolah di Malaysia masih berfokus kepada ujian dan peperiksaan formal yang lebih mengutamakan aspek akademik (Balkish, Ali & Cho, 2010). Sistem ini seringkali mengabaikan kemahiran berfikir kreatif dan imaginasi kanak-kanak yang seharusnya menjadi sebahagian daripada perkembangan menyeluruh mereka. Isu ini jelas menunjukkan bahawa pentaksiran yang ada kini tidak mampu memberi gambaran menyeluruh tentang perkembangan kanak-kanak dalam aspek kreativiti, yang sebenarnya adalah elemen penting dalam pendidikan awal mereka (Gao & Grisham Brown, 2011). Kelemahan dalam kaedah penilaian ini turut memberi impak terhadap pemahaman guru tentang tahap perkembangan kreatif kanak-kanak dan mengekang potensi mereka dalam mengeksplorasi pelbagai kemungkinan baru melalui imaginasi mereka (Kitano, 2011). Oleh itu, perlu ada satu mekanisme pentaksiran yang lebih komprehensif, khususnya dalam menilai perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, kajian-kajian yang dilakukan di negara-negara lain seperti Jepun telah menunjukkan bahawa pentaksiran prasekolah yang berfokus kepada kemahiran sosial dan kreativiti memberi hasil yang lebih baik dalam membentuk kanak-kanak yang seimbang dari segi akademik dan sosial (Umi Faizah et al., 2019). Di Jepun, kanak-kanak tidak diuji secara formal pada peringkat prasekolah, sebaliknya mereka dinilai melalui aktiviti harian yang lebih berfokus kepada pembelajaran sosial, komunikasi dan kreativiti. Ini menunjukkan bahawa terdapat alternatif yang lebih





berkesan dalam melakukan pentaksiran yang membolehkan kanak-kanak mengekspresikan kreativiti mereka tanpa tekanan peperiksaan. Pendekatan seperti ini penting untuk diadaptasi di Malaysia, terutamanya apabila melihat kepada cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah yang kurang dilengkapi dengan instrumen penilaian yang sesuai untuk menilai aspek kreatif dan imaginatif kanak-kanak (Hartati & Zulminiati, 2020).

Kajian ini bertujuan untuk menangani masalah kekurangan instrumen pentaksiran yang tepat bagi menilai imaginasi dan kreativiti kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Walaupun terdapat beberapa kajian yang menunjukkan pentingnya imaginasi dalam pendidikan awal, pengimplementasian pentaksiran autentik yang mengukur kreativiti kanak-kanak masih sangat terhad (Nurhayati & Rakhman, 2017). Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pembangunan senarai pentaksiran autentik yang boleh digunakan oleh guru prasekolah untuk menilai perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak dengan lebih berkesan. Pentaksiran autentik ini bertujuan untuk menggantikan sistem penilaian tradisional yang lebih mengutamakan ujian bertulis dan memberi lebih banyak peluang kepada kanak-kanak untuk menunjukkan kreativiti mereka dalam konteks kehidupan sebenar (Mueller, 2005).

Isu yang timbul daripada penggunaan penilaian tradisional adalah ia lebih menekankan kepada keputusan akhir seperti markah peperiksaan yang tidak memberi gambaran menyeluruh mengenai tahap perkembangan kanak-kanak dalam pelbagai dimensi, terutamanya dalam aspek imaginasi dan kreativiti mereka (Poindexter et al., 2015). Pentaksiran yang berpusatkan ujian sering kali tidak dapat mengukur proses pembelajaran yang lebih kompleks seperti cara kanak-kanak berfikir, mencipta, dan





menyelesaikan masalah dengan cara yang inovatif. Sebagai contoh, dalam sistem pendidikan yang terlalu berfokus kepada pencapaian akademik, kanak-kanak mungkin tidak diberi peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kreatif yang penting untuk pembangunan intelek mereka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyediakan satu pendekatan penilaian yang lebih inklusif dan menyeluruh yang mampu menangani masalah ini dan memberi tumpuan kepada aspek kreatif kanak-kanak secara lebih holistik.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan konsensus daripada pakar-pakar pendidikan awal kanak-kanak mengenai elemen-elemen yang perlu ada dalam pentaksiran autentik yang dapat menilai kreativiti dan imaginasi kanak-kanak secara efektif. Menurut Bredekamp (2017), penilaian yang berkesan bukan sahaja perlu menilai pengetahuan akademik tetapi juga kemahiran sosial dan kreatif yang memberi impak jangka panjang kepada perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, satu senarai elemen pentaksiran yang merangkumi berbagai aspek penting seperti kebolehan berfikir kritis, kemampuan berimaginasi dan bertindak secara kreatif, serta kemampuan menyelesaikan masalah perlu diwujudkan. Teknik Fuzzy Delphi yang digunakan dalam kajian ini berfungsi untuk mendapatkan kesepakatan daripada para pakar mengenai ciri-ciri utama yang perlu dinilai dalam proses pentaksiran autentik ini.

Dengan mengembangkan senarai pentaksiran autentik yang komprehensif, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan besar kepada sektor pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Hal ini penting kerana pendidikan awal yang memberi tumpuan kepada pengembangan kreativiti dan imaginasi bukan sahaja akan membentuk asas yang kukuh untuk perkembangan akademik kanak-kanak pada masa depan, tetapi





juga akan membolehkan mereka berkembang menjadi individu yang lebih inovatif dan mampu menghadapi cabaran dunia moden. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pendidikan awal kanak-kanak tetapi juga kepada ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhan, yang akan mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai perkembangan kanak-kanak mereka dalam konteks yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Salah satu cabaran utama dalam pendidikan prasekolah di Malaysia adalah kekurangan instrumen yang dapat mengukur perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak secara autentik. Kebanyakan sistem pentaksiran sedia ada masih terlalu berfokus pada aspek akademik, yang menilai kemahiran kognitif asas seperti membaca dan menulis, tanpa memberi penekanan yang mencukupi kepada aspek kreatif yang merupakan elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak. Pentaksiran yang tidak menyentuh dimensi kreativiti ini memberi kesan kepada pembangunan potensi penuh kanak-kanak, khususnya dalam bidang seni dan imaginasi yang merupakan asas kepada pemikiran kritis dan penyelesaian masalah (Bredekamp, 2017).

Pendekatan ini sangat relevan dalam konteks pendidikan prasekolah kerana ia memberi ruang kepada kanak-kanak untuk menonjolkan bakat dan kebolehan mereka dalam persekitaran yang semula jadi dan kreatif. Dalam banyak kajian, pentaksiran autentik dikaitkan dengan peningkatan motivasi dan penglibatan kanak-kanak, yang sekali gus membantu mereka untuk berkembang dengan lebih baik dari segi sosial, emosi, dan kognitif (Poindexter et al., 2015; Gao & Grisham-Brown, 2011).





Walaupun pelbagai pendekatan pentaksiran telah diperkenalkan, masih terdapat kekurangan yang signifikan dalam aplikasi pentaksiran yang mampu menangkap perkembangan kreativiti dan imaginasi kanak-kanak dengan cara yang menyeluruh. Banyak sistem pentaksiran yang ada lebih mengutamakan aspek kognitif tanpa memberi perhatian serius kepada proses perkembangan emosi dan sosial yang sama pentingnya dalam pendidikan awal. Dengan ini, penting untuk menjalankan kajian yang boleh mengidentifikasi dan mengatasi kelemahan ini, serta menyediakan cadangan untuk pembangunan instrumen pentaksiran yang dapat menangani keperluan holistik kanak-kanak prasekolah dalam konteks pendidikan yang lebih kreatif dan relevan (Bredekamp, 2017).

Sebagai kesimpulannya, kajian ini amat penting untuk membangunkan satu instrumen pentaksiran autentik yang dapat mengukur perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak prasekolah secara menyeluruh dan berkesan. Dengan memperkenalkan pendekatan penilaian yang lebih fokus kepada aspek kreatif dan imaginatif, kajian ini diharap dapat mengatasi kekurangan yang ada dalam sistem pentaksiran sedia ada yang terlalu berorientasikan akademik. Keberhasilan kajian ini bukan sahaja mampu memperkaya kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, tetapi juga memberi kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran, sekaligus menghasilkan generasi kanak-kanak yang lebih bersedia, kreatif, dan berdaya saing di masa depan. Sebagai tambahan, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan penting kepada guru, ibu bapa, dan penggubal dasar dalam merangka pendekatan yang lebih menyeluruh dan inovatif dalam mendidik anak-anak pada peringkat prasekolah (Gao & Grisham-Brown, 2011; Poindexter et al., 2015; Bredekamp, 2017).





1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah yang boleh diguna pakai dalam pentaksiran autentik di prasekolah (Bredekamp, 2017). Berdasarkan sorotan kajian juga, pentaksiran berbentuk autentik yang melihat kepada perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak ini masih belum dibina dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak (McAfee, Leong, & Bodrova, 2016). Justeru itu, pengkaji ingin menjalankan kajian yang akhirnya nanti dapat menghasilkan satu senarai pentaksiran yang berbentuk autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah (Heidemann & Hewitt, 2010).



1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui tiga langkah dengan menggunakan kaedah Analisis Meta, temu bual dan soal selidik. Langkah-langkah ini adalah berdasarkan kepada pendekatan kajian yang merangkumi objektif-objektif kajian seperti yang berikut:

- a) Mengetahui pasti ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah.
- b) Mengetahui pasti elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah.
- c) Menilai kebolegunaan elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah berdasarkan kesepakatan pakar.





Untuk mencapai objektif kajian yang pertama, kaedah Analisis Meta dan temu bual akan dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah yang sesuai digunakan dalam pentaksiran autentik. Item-item soal selidik akan dibina berdasarkan analisis dan dapatan daripada kaedah yang digunakan di dalam langkah pertama dan kedua.

Manakala dalam langkah ketiga pula, teknik Fuzzy Delphi (Kaufmann and Gupta, 1988) digunakan bersama-sama pakar-pakar akademik yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak prasekolah. Teknik ini digunakan bagi mendapatkan kesepakatan pakar tentang ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak yang sesuai untuk dimasukkan di dalam senarai pentaksiran autentik.

Kajian ini turut menilai kebolegunaan elemen pentaksiran autentik melalui maklum balas pakar pendidikan awal kanak-kanak. Kebolegunaan merujuk kepada sejauh mana elemen-elemen ini dapat digunakan secara praktikal di prasekolah, termasuk aspek kefahaman, kesesuaian, dan keberkesanan dalam menilai imaginasi-kreatif (Mueller, 2005; Palm, 2008; Bredekamp, 2017). Teknik Fuzzy Delphi digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar (Kaufmann & Gupta, 1988), manakala penglibatan guru membantu memastikan instrumen relevan dengan amalan sebenar (Poindexter et al., 2015; Gao & Grisham-Brown, 2011). Dengan itu, elemen-elemen ini bukan sahaja sah dari segi teori tetapi juga sesuai digunakan dalam konteks pendidikan (Chou, 2014; Bauer et al., 2021).





1.6 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif-objektif yang berkenaan, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan seperti yang berikut:

- a) Apakah ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah?
- b) Apakah elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah?
- c) Bagaimanakah kebolegunaan elemen pentaksiran autentik dalam perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah:
 - Berdasarkan kesepakatan guru-guru prasekolah.

1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN




Tumpuan kajian ini adalah menghasilkan senarai pentaksiran autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah dan seterusnya melihat kebolegunaan ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak dalam elemen pentaksiran autentik. Kajian-kajian lepas yang dikumpul dan dianalisis akan menjadi panduan dalam membina senarai pentaksiran autentik ini bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah. Kajian ini akan melalui tiga langkah. Teknik Fuzzy Delphi antara kaedah yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data dan memperoleh dapatan kajian. Kerangka Konseptual ditunjukkan di dalam **Rajah 1.1** yang merangkumi proses kajian.



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini cuba melihat kepada beberapa elemen yang menjadi asas kepada pembinaan senarai yang memfokuskan kepada aspek perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah untuk digunakan dalam pentaksiran yang berbentuk autentik. Kajian ini dirangka berdasarkan kepada tiga teori, iaitu teori pembelajaran konstruktivisme dan behaviorisme serta teori imaginasi dan kreativiti kanak-kanak Vygotsky.

Teori konstruktivisme ialah pendekatan pembelajaran berorientasikan tindakan yang memerlukan murid membina pengetahuan sedia ada untuk lebih memahami dengan lebih baik dan menggunakan konsep baharu. Guru wujud untuk membimbing murid melalui pemrosesan kognitif mereka dan merangka aktiviti bilik darjah untuk



membantu murid belajar. Konstruktivisme adalah salah satu daripada beberapa teori pendidikan, ia boleh membantu murid mengambil peranan yang lebih aktif dalam pendidikan mereka dengan mengaitkan konsep baharu dengan latar belakang atau pengalaman hidup mereka sendiri untuk mendalami pemahaman mereka tentang perkara yang telah mereka ketahui dan meningkatkan kefahaman mereka terhadap maklumat baharu.

Behaviorisme dalam pendidikan, atau teori pembelajaran tingkah laku ialah cabang psikologi yang memfokuskan kepada cara orang belajar melalui interaksi mereka dengan persekitaran. Mengikut teori ini, pembelajaran ialah perubahan tingkah laku yang boleh diperhatikan yang terhasil daripada pengalaman. Ahli Behavioris mencadangkan bahawa rangsangan dan akibat persekitaran membentuk tingkah laku dan pembelajaran berlaku melalui proses pelaziman operan. Pelaziman operan melibatkan peneguhan atau hukuman tingkah laku berdasarkan akibatnya. Sebagai contoh, jika murid mendapat pujian kerana menjawab soalan dengan betul, mereka lebih cenderung untuk mengulangi tingkah laku itu pada masa hadapan. Sebaliknya, jika seseorang murid dimarahi kerana bercakap tidak betul, mereka tidak akan mengulangi tingkah laku itu pada masa hadapan.


Seterusnya, Vygotsky dalam teori imaginasi dan kreativiti kanak-kanak menyatakan kreativiti bukanlah sesuatu yang hanya dimiliki oleh sesetengah orang, tetapi sesuatu yang boleh dikembangkan oleh semua orang. Bayangkan kanak-kanak mempunyai sekotak blok Lego. Setiap blok mempunyai warna dan bentuk yang berbeza. Kanak-kanak boleh menggunakan blok ini untuk membina pelbagai benda seperti rumah, kereta atau kapal angkasa. Teori Vygotsky mengatakan bahawa



imaginasi dan kreativiti adalah seperti blok Lego ini. Lebih banyak blok yang mereka ada, lebih banyak perkara yang boleh kanak-kanak boleh bina. Begitu juga, semakin banyak pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dimiliki, semakin banyak idea kreatif yang boleh kanak-kanak hasilkan. Teori imaginasi kreatif jelas menunjukkan ia berfungsi sebagai konstruk asas secara amnya dalam teori perkembangan minda.

Rajah 1.2

Kerangka Teori Kajian



1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Kajian ini telah menggunakan beberapa istilah. Bagi menjelaskan makna istilah dalam penyelidikan ini, definisi istilah tersebut akan diterangkan.



I. Imaginasi

Imaginasi didefinisikan sebagai kemampuan kreatif untuk membentuk idea dan gambar tanpa input deria luaran yang segera (Egan, 1992). Selain itu, imaginasi juga adalah asas untuk mengintegrasikan pengalaman dalam proses pembelajaran dan telah dianggap sebagai prasyarat yang sangat diperlukan untuk menolong manusia menangani masalah pelbagai kompleks dan mencipta inovasi (Sandri, 2013). Imaginasi adalah elemen penting dalam semua aspek kehidupan budaya, dan ia adalah sama penting untuk pelukis dan saintis (Vygotsky, 2004). Imaginasi adalah kemahiran penting untuk belajar. Sebagai contoh, kajian dengan kanak-kanak menunjukkan bahawa mempunyai lebih banyak kebolehan imaginasi dikaitkan dengan kemahiran sosial dan hubungan sosial yang lebih baik (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021).

Kajian ini mengaitkan konsep imaginasi tertumpu kepada perkembangan kreativiti kanak-kanak prasekolah. Imaginasi-kreatif dalam kajian ini difahami sebagai gabungan kemampuan kanak-kanak membayangkan idea atau situasi baharu dengan keupayaan untuk menghasilkan penyelesaian yang inovatif dan asli. Ini bermakna, imaginasi sahaja tidak mencukupi tanpa diterjemahkan kepada bentuk kreativiti, manakala kreativiti juga bergantung pada kekayaan imaginasi. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak yang mampu membayangkan dunia fantasi unik sekaligus menghasilkan cerita atau karya seni daripadanya menunjukkan tahap imaginasi-kreatif yang tinggi. Menurut Vygotsky (2004), imaginasi yang digabungkan dengan kreativiti memberi asas kepada pembentukan pemikiran abstrak, penyelesaian masalah, dan perkembangan sosial kanak-kanak, yang menjadi elemen penting dalam penilaian autentik.



II. Imaginasi-kreatif

Definisi operasi bagi imaginasi-kreatif merujuk kepada kemampuan individu untuk menghasilkan idea dan gambaran baru yang unik tanpa bergantung kepada input deria luaran secara langsung. Imaginasi kreatif dalam konteks kanak-kanak prasekolah melibatkan kebolehan mereka untuk menghasilkan penyelesaian atau idea baru yang melibatkan penyesuaian elemen-elemen yang ada, seperti dalam permainan atau aktiviti seni, yang memerlukan pemikiran luar kotak dan inovasi. Penilaian bagi imaginasi kreatif boleh dilakukan berdasarkan tahap kebebasan dalam berfikir, kemampuan mereka untuk berinteraksi dengan persekitaran secara kreatif, serta sejauh mana mereka dapat mencipta sambungan antara idea-idea yang berlainan (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021). Imaginasi-kreatif juga dilihat sebagai kunci dalam perkembangan kemahiran sosial dan kognitif kanak-kanak, di mana ia menyokong mereka dalam menyelesaikan masalah, berkomunikasi, dan berinteraksi dengan orang lain (Vygotsky, 2004). Oleh itu, imaginasi-kreatif bukan hanya merangkumi kebolehan berfikir secara bebas, tetapi juga menyumbang kepada perkembangan keseluruhan individu dalam konteks sosial dan pembelajaran.

III. Kreatif

Menurut Staff Writer (2020), perkembangan kreatif adalah proses membentuk kemahiran kreatif melalui penerokaan, membuat keputusan dan ekspresi. Kanak-kanak melalui pelbagai peringkat perkembangan kreatif yang terpisah dari perkembangan fizikal dan intelektual mereka. Kreativiti ditakrifkan sebagai, “proses asal, mengubah, atau menyesuaikan idea, artifak, sistem, sektor atau domain, keadaan dunia, atau



manamana entiti lain yang dibina secara berbeza atau berbeza daripada yang sedia ada” (Burns, 2015). Dalam kajian ini, perkembangan kreatif atau kreativiti ini merujuk kepada kanak-kanak prasekolah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru.

IV. Kanak-Kanak Prasekolah

Dalam Ensiklopedia Antarabangsa Sains Sosial & Tingkah Laku Edisi Kedua (2015), menyatakan prasekolah ialah tempoh perkembangan awal kanak-kanak, biasanya antara umur 3 hingga 6 tahun di mana kanak-kanak memperoleh pelbagai kemahiran dan pengetahuan sebagai persediaan ke sekolah rendah. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun sahaja yang mengikuti pembelajaran berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

V. Pentaksiran Autentik

Mueller (2005) menerangkan pentaksiran autentik sebagai satu bentuk penilaian yang memerlukan murid melaksanakan tugas dunia sebenar yang menyampaikan pengetahuan dan kemahiran penting secara bermakna. Perkara ini turut ditegaskan oleh Palm (2008) bahawa penilaian autentik menjurus kepada perkembangan pengetahuan murid. Murid mesti melibatkan diri dalam tugas yang bermakna, menghubungkan pengetahuan, dan membina pemahaman yang mendalam tentang sesuatu topik semasa berkomunikasi dengan rakan sebaya mereka. Gulikers, Bastiaens dan Kirschner (2004) juga menyatakan definisi yang sama dimana beliau menyatakan penilaian autentik





sebagai “penilaian yang memerlukan murid menggunakan kecekapan yang sama, atau gabungan pengetahuan, kemahiran, dan sikap, yang mereka perlu gunakan dalam situasi kriteria dalam kehidupan professional”.

Pentaksiran dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah asas pengajaran dan perkembangan kanak-kanak yang berkesan. Ia memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pendidikan kanak-kanak. Justeru itu, melalui pentaksiran autentik dalam pendidikan awal kanak-kanak, kelewatan dan cabaran perkembangan dapat dikenal pasti pada peringkat awal. Pengesanan awal ini membolehkan intervensi tepat pada masanya, perkhidmatan sokongan dan bimbingan profesional untuk menangani isu ini sebelum ia menjadi halangan yang ketara kepada pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Dalam kajian ini, pengkaji bertujuan untuk memerhati perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak dengan menjalankan pentaksiran autentik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.

1.10 BATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa batasan di dalam kajian ini. Batasan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Kajian ini hanya berfokuskan kepada prasekolah-prasekolah kebangsaan di negeri Perak sahaja.
- ii. Kerjasama dan sumbangan dari segi idea dan maklumat daripada guru dan kumpulan pakar sangat diperlukan untuk menjalankan kajian ini. Kesahan dapatan kajian pula bergantung kepada tahap komitmen dan kerjasama yang



diberikan semasa pungutan data diperlukan. Pungutan data pula dilakukan analisis kajian-kajian lalu, temu bual berstruktur dan teknik Fuzzy Delphi dalam proses membina senarai perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak untuk digunakan dalam pentaksiran autentik.

- iii. Pakar-pakar yang berpengalaman dalam pentaksiran pendidikan awal kanak-kanak yang dilantik akan menilai senarai item ciri-ciri imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah yang sesuai dengan menggunakan teknik Fuzzy Delphi.

1.11 KEPENTINGAN KAJIAN

Daripada kajian yang dijalankan, jika didapati dapatan kajian ini memberi impak yang positif dan berkesan, secara tidak langsung dapat membantu dan memberi panduan yang berguna kepada semua guru prasekolah kebangsaan untuk menilai kebolehan kanak-kanak dalam pelbagai aspek. Selain itu, dengan adanya senarai pentaksiran autentik bagi perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak prasekolah juga dapat membantu ibu bapa menilai kebolehan kanak-kanak di rumah atau dimana-mana sahaja. Seterusnya membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mempelbagaikan pentaksiran pada peringkat prasekolah.

Pendidikan di Malaysia memerlukan sistem pentaksiran yang komprehensif, yang selaras dengan matlamat pentaksiran yang komprehensif dan autentik. Pentaksiran autentik ini juga merupakan penilaian telus yang memberikan ibu bapa maklumat secara langsung tentang semua aspek perkembangan kanak-kanak terutamanya perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak. Bentuk penilaian seperti ini amat



diperlukan dalam pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, kerana antara matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak dan meningkatkan kreativiti kanak-kanak. Hasil kajian ini juga akan melihat kepada kefahaman guru tentang kepentingan perkembangan imaginasi-kreatif kanak-kanak.

Chou (2014) menggunakan penilaian sendiri dalam mengajar perbendaharaan kata kanak-kanak dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti lagu, permainan dan cerita. Dia melaporkan dalam penyelidikan bahawa penilaian sendiri (yang merupakan variasi penilaian autentik) meningkatkan keputusan ujian kosa kata kanak-kanak berbanding mereka yang tidak menggunakan penilaian sendiri dan pembelajaran yang menyeronokkan. Gao dan Grisham-Brown (2011) dalam kajian Muhammad Noor (2019) juga mendapati bahawa penilaian autentik terbukti menghasilkan tindak balas semula jadi daripada pelajar muda. Kajian kuantitatif mereka dengan murid prasekolah juga menunjukkan bahawa penilaian autentik adalah mudah untuk dijalankan dengan kanak-kanak. Tambahan lagi, Poindexter, Hagler, and Lindell (2015) mencadangkan bahawa sebagai tambahan kepada penggunaan senarai semak, perbincangan, maklum balas, dan kerjasama menjadikan proses penilaian autentik itu sah. Mereka menjelaskan bahawa guru perlu mempelajari teknik untuk memberi maklum balas, dan murid perlu belajar untuk menerima maklum balas yang membina kemahiran penting untuk meningkatkan prestasi.

Penilaian autentik membantu kanak-kanak dengan memberi mereka peluang untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada berdasarkan pengalaman melalui kaedah yang relevan dalam kehidupan seharian, dan bukannya





memberi tumpuan semata-mata pada kemahiran dan pengetahuan yang terhad di sekolah sahaja. Ia membantu kanak-kanak mencapai kejayaan pada masa hadapan dan memberi inspirasi kepada mereka untuk menggunakan kombinasi berbeza pengetahuan, kemahiran dan kemahiran dunia sebenar yang wujud di dunia dan dalam diri mereka sendiri. Guru juga boleh menilai keupayaan kanak-kanak dalam mengaplikasikan kemahiran yang berbeza dan menghasilkan sesuatu yang inovatif dan kreatif. Sebagai contoh, kanak-kanak boleh menganalisis hujah, mencipta sesuatu yang baharu dan inovatif, menyampaikan hujah, melaksanakan pembentangan dan persembahan. Guru mengambil kira semua perbincangan, penghujahan dan laporan semasa menilai kanak-kanak. Penilaian dan pentaksiran sering digunakan dalam konteks pendidikan untuk merujuk kepada proses menilai kebolehan dan pencapaian pelajar. Walaupun kedua-dua istilah ini sering digunakan secara bergantian, terdapat perbezaan halus antara keduanya. Penilaian merujuk kepada proses mengumpul, menganalisis, dan mentafsir maklumat yang berkaitan dengan perkembangan atau pencapaian seseorang pelajar, yang mungkin dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti ujian, kerja kursus, atau penilaian sendiri (Chou, 2014; Muijs, 2011). Pentaksiran, sebaliknya, lebih spesifik merujuk kepada tindakan formal untuk mengukur atau menilai sesuatu kebolehan atau pencapaian pelajar, terutamanya melalui kaedah yang lebih terstruktur dan formal (Gao & Grisham-Brown, 2011; Poindexter, Hagler, & Lindell, 2015).

Pentingnya pelaksanaan pentaksiran autentik dalam pendidikan prasekolah adalah kerana ia memberikan peluang kepada guru untuk menilai perkembangan imajinasikreatif kanak-kanak dengan cara yang lebih relevan dan semula jadi. Pentaksiran jenis ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menggunakan





kemahiran dan pengetahuan yang mereka miliki, serta mengaplikasikannya dalam situasi yang mencabar dan menyentuh kehidupan seharian mereka (Gao & Grisham-Brown, 2011). Sebagai contoh, melalui permainan, seni, dan interaksi sosial, kanak-kanak dapat menunjukkan kreativiti mereka dalam bentuk yang lebih praktikal dan tidak terbatas pada pengetahuan akademik semata-mata (Vygotsky, 2004; Sandri, 2013). Pentaksiran autentik ini penting untuk membantu mengukur sejauh mana perkembangan imajinasikreatif kanak-kanak dapat diterjemahkan ke dalam hasil yang nyata, seperti penciptaan karya seni, pembentangan, atau penyelesaian masalah dalam situasi dunia sebenar (Bauer, Gilpin & Thibodeau-Nielsen, 2021).

Selain itu, pelaksanaan pentaksiran autentik memberikan ibu bapa dan pendidik lebih banyak maklumat tentang perkembangan keseluruhan kanak-kanak, bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi juga dalam bidang sosial, emosional, dan kreatif (Gao & Grisham-Brown, 2011). Hal ini dapat memberi mereka panduan dalam membantu kanak-kanak berkembang dengan lebih baik, baik di sekolah mahupun di rumah. Kementerian Pendidikan Malaysia juga dapat menggunakan hasil daripada pentaksiran autentik ini untuk mengemaskini dan memperkaya sistem pendidikan prasekolah di negara ini, dengan memberi tumpuan kepada kepentingan perkembangan imajinasi-kreatif sebagai salah satu aspek utama dalam kurikulum (Muhammad Noor, 2019; Vygotsky, 2004).





1.12 RUMUSAN

Bab ini telah menerangkan tentang pendahuluan, latar belakang, permasalahan kajian, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kerangka teori kajian, definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini, batasan kajian dan kepentingan kajian yang dilaksanakan. Penjelasan yang diberikan diharap dapat memberi penjelasan tentang isu-isu asas yang berkaitan dengan kajian ini. Seterusnya, Bab 2 menerangkan sorotan kajian lepas berkaitan teori-teori yang dirujuk dalam kajian.

